

**Sambutan Kemerdekaan 'sempoi' dan 'cool' kata Najib
Malaysian Insider
31 Ogos, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis**

BUKIT JALIL, 31 Ogos — Datuk Seri Najib Razak melihat sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 pada tahun ini di Stadium Nasional di sini sebagai "sempoi" dan "cool" apabila kawasan stadium berkenaan dipenuhi majoriti generasi muda.

Malah, perdana menteri itu juga turut melihat kehadiran mereka itu memberikan gambaran keyakinan bahawa masa depan negara berada dalam keadaan yang cerah dan bakal berjaya.

"Kalau saya gunakan 'sempoi dan cool', itu adalah gambaran semangat yang kita dapat saksikan malam ini.

"Kalau inilah gambaran generasi muda yang kita katakan Generasi X dan Generasi Y, tak salah kalau saya katakan gambaran ini dapat meyakinkan kepada kita bahawa masa depan negara sangat cerah dan sangat penuh dengan kejayaan," kata Najib ketika berucap sewaktu Himpunan 55 tahun Merdeka 'Janji Ditepati' di sini.

Beliau turut memberi keyakinan bahawa generasi muda hari ini mampu untuk menentukan kejayaan negara ini.

"Kita laungkan suara yang menggemakan negara ini ... generasi baru ini boleh diharapkan untuk menentukan kejayaan negara kita," katanya.

Sehubungan itu, Najib juga menggesa rakyat Malaysia untuk "bersama dengan pemimpin negara" dalam memacu agenda transformasi kerajaan pimpinannya.

"Ini merupakan kejayaan kita, oleh itu kita perlu tanya ke mana kita nak bawa Malaysia. Sama ada ingin membawa Malaysia ke gerbang puncak jaya yang lebih maju atau lurah, pilihan ditangan anda.

"Untuk itu kita perlu bersama, bersatu dan berusaha ... kita perlu bersama dengan pemimpin negara untuk membawa agenda transformasi untuk menuju ke gerbang puncak jaya," katanya kepada lebih 100,000 pengunjung sambutan berkenaan.

Tambah Najib, "bila kita pilih tema 'Janji Ditepati', bukan sahaja janji kerajaan untuk tentukan kestabilan, kemakmuran, kesejahteraan, negara tetapi janji rakyat, sebab kejayaan negara kita adalah perkongsian antara rakyat dan kerajaan yang mana kalau kita menyambut ini, negara kita akan melonjak ke hadapan dengan lebih maju lagi."

Beliau turut mengecam pembangkang kerana menurutnya mereka hanya cuba merosakkan dan memporak-perandakan kemakmuran negara.

"Beringatlah bahawa sesungguhnya kemerdekaan itu hanya untuk setiap pertiwi sekali sahaja, marilah kita berganding dalam memperjuangkan kemerdekaan ini, dan mempertahankannya dari pembangkang yang cuba memporak perandakan keadaan," tegasnya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/himpunan-gabungan-janji-bukan-major-iti-kata-najib1/>